

Nilai Patriotisme dalam *Pantun Pak Nazel*

Values of Patriotism in *Pantun Pak Nazel*

AZIM NORMIZA AHMAD & SHAIFUL BAHRI MD. RADZI

ABSTRAK

Kajian ini membicarakan nilai murni dalam Pantun Pak Nazel dengan memberi tumpuan khusus ke atas nilai patriotisme. Data kajian berfokuskan kepada buku Pantun Pak Nazel yang mengandungi 1229 rangkap pantun yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2010. Kajian yang berorientasikan kajian kepustakaan ini mengaplikasikan teknik bacaan rapi. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa Pantun Pak Nazel memang sesuai untuk dijadikan bahan tambahan pelajaran bahasa Melayu (Komsas) dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Lima. Koleksi pantun ini dilihat berpadanan dari segi 21 nilai-nilai murni Kementerian Pelajaran Malaysia. Pantun-pantun koleksi Hashim Mohamad (Pak Nazel) dapat mendidik khalayak pembaca terutama kalangan remaja dalam aspek nilai kehidupan supaya mempunyai jati diri dan warganegara yang bertanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara dengan mempunyai nilai patriotik yang utuh dalam diri. Didikan secara tidak langsung ini menggunakan pantun sebagai medium pengantara memberikan satu peluang suntikan secara halus menyampaikan hasrat Pak Nazel mengetengahkan nilai-nilai murni dalam pantun. Bahasa yang disampaikan amat sesuai dan bicara nurani dalam maksud-maksud pantun ciptaan Pak Nazel sampai kepada khalayak pembaca. Genre puisi tradisional ini telah memberi ruang dalam dunia pendidikan dalam penerapan nilai-nilai murni sesuai dengan perubahan masa dan tuntutan zaman.

Kata kunci: Pak Nazel; puisi tradisional; pantun; nilai murni; patriotisme

ABSTRACT

The moral principles in Pantun Pak Nazel are discussed in this essay, with a focus on patriotism values. Pantun Pak Nazel, a set of 1229 pantun verses published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 2010, provided the basis for this study. The principles of patriotism were studied using a library analysis methodology. According to the results, Pantun Pak Nazel may be used as an additional guide in the topic Bahasa Melayu (Komsas) from lower secondary to upper secondary school. The pantun set is appropriate for teaching the Ministry of Education's list of 21 moral values. The selection of pantun by Hashim Mohamad (Pak Nazel) would be able to educate the reader, especially the youth, on the importance of life and identity in being a responsible citizen. According to Pak Nazel, the study concludes that schooling by pantun offers a chance to tailor moral principles. The vocabulary is sufficient, and Pak Nazel's purpose in the sense of the pantun he produced is conveyed effectively. Through instilling positive morals, this type of classical poetry has provided an evergreen forum in the academic world.

Keywords: Pak Nazel; traditional poetry; pantun; moral values; patriotism

PENGENALAN

Patriotisme suatu konsep yang berkaitan dengan kenegaraan. Kenegaraan dibentuk oleh warisan dan wawasan yang berlandaskan liku-liku sejarah yang dilalui oleh rakyat dalam sebuah negara. Dari segi warisan, sebuah negara terbentuk dari kehidupan rakyat yang diketuai oleh pemimpin yang memimpin rakyat untuk melalui pelbagai liku sejarah sejak zaman dahulu kala. Hubungan rakyat kepada negara dan pemimpin diikat oleh semangat patriotisme. Patriotisme berasal dari perkataan Latin "*patria*"

dan Greek "*patritha*". Maksud patriotisme adalah kecintaan seseorang kepada tanah tumpah darahnya, negaranya. Hubungan antara rakyat, pemimpin dan negara seperti tersurat dalam peribahasa Melayu: "Ada air, adalah ikan," ataupun "Ada padang, ada belalangnya" (Abdul Rahman Abdul Aziz 2009). Semangat patriotik semangat yang tumbuh dalam diri disebabkan sayang dan cintakan tanah air. Semangat ini terbit dari dalam diri tanpa paksaan atau tunjuk ajar daripada sesiapa. Ekspresi semangat patriotik ini lahir daripada jiwa luhur dan kasih terhadap negara. Jiwa yang bersemangat patriotik

akan berkobar-kobar untuk mempertahankan tanah air daripada di ceroboh dan dipertahankan sehingga ke titisan darah terakhir.

Perjuangan yang memerlukan pengorbanan akan terus dikenang dan diingat selama-lamanya oleh seluruh rakyat yang bernaung di bawah panji-panji negara. Pak Nazel tidak ketinggalan meniupkan semangat patriotik dalam pantun-pantun beliau supaya golongan sasaran khususnya remaja sayangkan negara kerana mereka adalah pewaris negara untuk generasi masa hadapan. Abd Rahim Abd Rashid (2004) mengulas patriotisme ialah perjuangan yang menjiwai kepada kepentingan bangsa dan negara. Menonjolkan semangat juang yang tinggi mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara. Soal bangsa adalah sinonim dengan soal negara. Patriotisme memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat untuk mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara daripada ancaman musuh dan ancaman luar merupakan tanggungjawab rakyat. Kesetiaan kepada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme yang amat penting. Unsur ini perlu ditanam dalam kalangan generasi muda khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Nilai patriotisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu dipertingkatkan bagi membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Nilai murni perlu dipupuk secara berterusan dalam diri seorang individu. Semangat patriotik, cinta pada negara adalah antara nilai murni yang penting bagi diterapkan kepada kanak-kanak. Memandangkan konsep patriotik ini suatu konsep yang abstrak maka genre puisi tradisional seperti pantun umpamanya dapat memberikan suatu wadah alternatif dalam memahami nilai murni ini. *Pantun Pak Nazel* karangan Nazel Hashim Mohamad keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2010 amat sesuai dijadikan bahan bacaan tambahan dalam merealisasikan penerapan nilai-nilai murni ini khususnya tentang semangat patriotik. Buku yang mempunyai himpunan pantun ciptaan Pak Nazel yang berjumlah 1229 rangkap pantun mampu mentransformasikan nilai-nilai murni bagi mendidik anak bangsa secara santai dengan untaian kata-kata yang indah untuk disuarakan dan didengar. Sehubungan ini, permasalahan kajian ingin mengenal pasti kesesuaian buku *Pantun Pak Nazel* ini dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan dalam

menyemai nilai-nilai murni khususnya semangat patriotik dalam kalangan kanak-kanak.

Sehubungan itu, objektif kajian ini cuba memperkenalkan pantun sebagai warisan puisi Melayu dalam kalangan kanak-kanak untuk dinikmati dan dihayati. Selain itu, objektif kajian ini juga ingin memperkenalkan pantun dari segi bentuk dan ciri-ciri bagi difahami oleh kanak-kanak. Seterusnya, objektif kajian ini ingin mengetengahkan kerelevanan pantun sebagai suatu wadah pengajaran yang dapat dilaksanakan secara santai, mendidik sambil berhibur.

KAJIAN LEPAS

Pantun genre puisi Melayu tradisional yang istimewa. Isiannya adalah cerminan hidup masyarakat Melayu. Keindahan dan keunikan pantun menarik ramai pengkaji Barat dan tempatan untuk mengkajinya. Wilkinson dan Winstedt (1957) menjadikan pantun sebagai penanda aras bagi mengenali kebijaksanaan minda Melayu. Bagi Za'ba (1952) pantun adalah rangkaian kata tertua milik Melayu dalam menzahirkan makna yang tersurat dan tersirat secara penuh kesantunan agar dapat menjaga perasaan dan hubungan. Mohd Taib Osman (1975) pula menegaskan fungsi pantun sebagai ucapan yang digunakan untuk pelbagai situasi kehidupan; daripada memberi ucapan secara berseloroh hinggalah kepada majlis-majlis serius seperti pertunangan dan perkahwinan dalam masyarakat Melayu. Keadaan ini sehaluan dengan Zainal Abidin Bakar (1983) bahawa pantun Melayu berfungsi sebagai kelangsungan adat resam. Pantun bagi Rosnah Julis (1985) berperanan sebagai alat pengajaran, nasihat, sindiran, sebagai alat hiburan memandangkan pantun diibaratkan sebagai suatu intisari kehidupan dan alam dalam sebutir pasir oleh Francois-Rene Daillie (1987).

Kajian tentang pantun terus berkembang pada tahun 1990-an terutama dalam kalangan sarjana tempatan. Mohd. Thani Ahmad (1990) umpamanya menjelaskan lingkungan pantun meliputi segala kehidupan dan alam yang berfungsi daripada sudut sosial dan psikologi. Mohd. Ramli Raman (1996) yang membicarakan tentang pantun dalam seni persembahan yang berkembang dalam kehidupan orang. Tulisan Braginsky (1998) memberi fokus kepada pembayang dan maksud pantun yang bertaut antara satu sama lain dengan sumber alam yang direnungi dijadikan pembayang sementara maksud adalah gambaran sebenar kehidupan. Hayati binti

Osman (2001) membincangkan negeri Johor yang maju dan membangun di Semenanjung Malaysia menerusi pantun kerana memiliki kebudayaan dan tamadun Melayu dan menjadi negeri Melayu pertama yang mengalami proses modenisasi. Seterusnya, Selobom Doraisamy (2001) membicarakan tentang kemahiran berfikir menerusi pantun Melayu. Shaiful Bahri Md. Radzi (2002) melihat fungsi pantun dalam masyarakat Orang Asli golongan Mah Meri yang sama seperti orang Melayu untuk meluahkan rasa cinta dan kasih sayang.

Sama seperti kajian Wilkinson dan Winstedt lebih awal, Harun Mat Piah (2003) menyatakan tentang pantun adalah lambang pemikiran orang Melayu. Ishak Ramly (2003) mengkaji pengajaran pantun di sekolah menengah dalam kalangan pelajar sastera dan sains, mengikut jantina bagi melihat keberkesannya. Kajian Sahlan Mohd. Saman (2005) menjelaskan bahawa pantun digunakan seluas-luasnya oleh masyarakat Melayu lama dalam sebarang bentuk penggunaannya manakala Wan Hashim Wan Teh (2005) mengaitkan pantun dengan 'budi' sehingga wujud konsep 'menabur budi', 'membalas budi' dan 'berbudi tinggi' dalam kehidupan seharian mereka. Kajian Nur Raslianaziazie Rasid (2008) pula membincangkan motif Seri Rama dalam pantun. Mohd Nasir bin Salleh (2008) mengangkat genre pantun sebagai wadah pendekatan keagamaan. Muhammad Haji Salleh (2010), menegaskan pantun bentuk yang sangat luar biasa, tiada suatu bentuk lain yang mampu menyerap ke dalam setiap petak kehidupan manusianya sepertinya. Pada pantun ada kesempurnaan struktur dan muzik pada setiap barisnya sehingga akhirnya dilihat sebagai sebuah gubahan muzik. Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini, kajian pantun tentang nilai

murni belum diperkatakan. Oleh itu, kajian ini akan merintis laluan awal untuk mengkaji nilai-nilai murni yang dipertegaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pantun.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan metodologi kajian kepustakaan sepenuhnya. Keseluruhan kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kajian kepustakaan memandangkan kaedah ini sesuai digunakan. Kajian kepustakaan ini dilakukan di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) serta pusat sumber di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKMM) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Buku-buku tentang pantun akan diteliti. Bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan dapat menjadi rujukan terbaik dalam menganalisis pantun-pantun ini khususnya pelbagai media cetak, tesis, kertas kerja, seminar dan juga internet akan disaring untuk melihat kelompangan kajian. Penerapan metodologi ini melibatkan penggunaan kaedah analisis kandungan untuk menentukan nilai-nilai murni yang terdapat dalam pantun Pak Nazel seperti yang dipertegaskan Berelson (1952: 18) "*Content analysis is a research technique for the objectives, systematic, and quantitative description of the content of communication.*" Analisis kandungan ke atas pantun Pak Nazel akan menggunakan teknik bacaan rapi dan tafsir mengikut 21 nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu* (1989), Kementerian Pelajaran menggariskan sejumlah 21 nilai murni bagi kuasai para pelajar seperti berikut,

JADUAL 1. Nilai Murni Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu

| Baik hati | Hemah tinggi | Tanggungjawab |
|------------|-------------------------------|-------------------------|
| Kerajinan | Kesederhanaan | Patriotik |
| Keadilan | Kebebasan | Kasih sayang |
| Kejujuran | Kebersihan fizikal dan mental | Menghargai |
| Rasional | Keberanian | Hormat-menghormati |
| Kesyukuran | Keyakinan | Ketekunan |
| Kerjasama | Berdikari | Semangat kemasyarakatan |

Nilai murni penting dalam pembentukan sahsiah para pelajar. Abd Rahim Abd Rashid (2001: iii) menegaskan, nilai murni menjadi asas kepada pembinaan dan pembangunan manusia dari segi watak dan sahsiah serta melahirkan generasi muda


yang berketerampilan. Walaupun terdapat 21 nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi nilai murni dapat dikelompokkan di bawah lima kategori seperti Rajah 1 berikut;



RAJAH 1. Lima Kategori Nilai Murni

Di bawah kategori Semangat Patriotik ini terdapat beberapa lagi nilai murni yang mendukung semangat cinta kepada negara yang dapat diterapkan

kepada kanak-kanak seperti yang tertera dalam Rajah 2 di bawah;



RAJAH 2. Kategori Nilai Murni Semangat Patriotik

HASIL KAJIAN

PATRIOTIK

Sayang, kasih, cinta dan rindu pada negara adalah jiwa patriotik yang ada pada setiap individu yang memahami dan mengerti tentang semangat patriotik. Berada di tanah air sendiri tidak sama seperti berada di negara orang. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri memang benar ungkapan itu diluahkan. Negara sendiri yang harmoni menerbitkan cinta kasih yang tidak berbelah bahagi apabila

berada di negara orang. Walaupun sekejap berada di negara orang kerana melancong umpamanya, perasaan rindu akan sanak-saudara dan kampung halaman akan membuat seseorang itu resah untuk segera pulang ke pangkuan tanah air. Abd Rahim Abd Rashid (2001a) memberi pandangan nilai patriotik merupakan asas bagi membina semangat cintakan negara. Dalam konteks yang lebih luas, nilai-nilai patriotik amat penting bagi mencorakkan kekuatan rakyat Malaysia.

Nilai patriotik dapat menjadikan individu lebih berani, mempunyai jati diri, sanggup berkorban

dan dapat memberi sumbangan yang bermakna demi kepentingan negara. Kelunturan nilai dan semangat patriotik boleh melemahkan negara. Kebelakangan ini terdapat tuntutan baru bagi menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat supaya cintakan Malaysia. Slogan patriotik seperti “Malaysia Boleh”, “Malaysia Cemerlang” dan “Malaysia Gemilang” bertujuan menyemai semangat patriotik. Tujuannya adalah untuk membina semangat dan keyakinan patriotik serta meraih sokongan rakyat Malaysia terhadap kerajaan dan isu-isu yang berkaitan dengan negara. Patriotik ialah nilai kewarganegaraan yang penting dalam pembinaan negara. Nilai-nilai patriotik juga dipupuk bagi mendapatkan sokongan rakyat Malaysia dalam memajukan ekonomi Malaysia. Kempen “Belilah Barangan Buatan Malaysia” adalah untuk menyemai nilai patriotik di kalangan pengguna terhadap pentingnya mereka menyokong pembangunan industri tempatan dan produk buatan Malaysia.

Nafas membusa rasa terseksa,
Tergesa-gesa minta diperiksa;
Jiwa bangsa padanya bahasa,
Hilang bahasa lenyaplah bangsa. (191)

Anak cina pandai menari,
Selendang kasa, gelang suasa;
Jangan dihina bahasa sendiri,
Kerana bahasa maruah bangsa. (201)

Bahasa mencerminkan bangsa. Pengarang tidak ketinggalan dalam memperkatakan tentang bahasa dalam pantun yang ke-191: 28 dan pantun ke-201: 29. Maksud pantun yang ke-191 ‘Jiwa bangsa padanya bahasa, hilang bahasa lenyaplah bangsa’ menjelaskan bahawa bahasa memainkan peranan untuk melihat identiti sesuatu bangsa. Tanpa bahasa, keturunan seseorang itu tidak dapat diketahui kerana tidak tahu bertutur bahasa asal kaum itu sendiri. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2004) pendidikan dan bahasa merupakan asas bagi membina kekuatan konsep negara bangsa. Oleh itu, bahasa Malaysia dalam konteks negara bangsa memainkan peranan yang amat penting bagi merealisasikan perubahan seperti pembentukan identiti kebangsaan, peningkatan jati diri, semangat patriotik, semangat kenegaraan dan sebagainya. Penggunaan bahasa Malaysia dalam sistem pendidikan boleh memantapkan lagi usaha membina gagasan kebangsaan dan mewujudkan perpaduan di kalangan kaum.

Bagi pantun yang ke-201 ‘Jangan dihina bahasa sendiri, kerana bahasa maruah bangsa’

secara jelas pengarang mengingatkan agar bahasa Melayu tidak diperlekehkan. Merendah-rendahkan bahasa kebangsaan umpama merendahkan bangsa Melayu sendiri. Bahasa merupakan maruah bangsa memandangkan bahasa menjadi wadah mengangkat tamadun bangsa. Abdul Rahman Abdul Aziz (2009) menegaskan teras kepada patriotisme sewajarnya adalah dari ilmu dan pendidikan yang bersifat holistik dan mampu memberikan kesejahteraan kepada diri, masyarakat dan negara. Melalui institusi pendidikan, penekanan terhadap mata pelajaran sejarah dan kewarganegaraan Malaysia sewajarnya diterapkan agar setiap pelajar sedar akan evolusi masyarakat berbilang kaum dan akar umbi sistem politik tradisional Melayu. Memperkasakan penggunaan bahasa Melayu harus dimartabatkan terutamanya dalam sektor awam dan tidak ketinggalan juga dalam sektor swasta. Keadilan sosial perlu dijadikan asas pembinaan bangsa Malaysia.

Lembu meredah rumpun betari,
Tidak jemu mencari lana;
Jika sudah bijak bestari,
Curahkan ilmu bangsa dibina. (211)

Pantun yang ke-211: 31 memperkatakan tentang ‘Jika sudah bijak bestari, curahkan ilmu bangsa dibina’ menjurus kepada maksud kepandaian yang dimiliki hendaklah dicurahkan kepada anak bangsa supaya anak-anak bangsa tidak ketinggalan dalam mendepani arus kemodenan dalam dunia tanpa sempadan pada masa kini. Mencerahkan ilmu ini dalam Islam konsepnya jihad. Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2006) golongan ulama dituntut berjihad dengan ilmunya, tenaga dan masa untuk kerja-kerja Islam dan mempraktikkan Islam dalam kehidupan mereka.

Naik perahu membawa baja,
Benih juga dilupanya;
Dirgahayu padanya raja,
Bagaikan syurga pemerintahannya. (458)

Raja yang memerintah memayungi rakyat tergambar dalam pantun ke-458: 66 iaitu ‘Dirgahayu padanya raja, bagaikan syurga pemerintahannya’ menunjukkan rakyat berasa hidup dalam keadaan aman damai apabila raja memainkan peranannya memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara. Kehidupan harmoni sememangnya diinginkan seluruh rakyat memandangkan dunia luar sekarang ini dihadang dengan keadaan negara yang kukar-kacir tanpa ada ruang keamanan lagi. Abd Rahim

Abd Rashid (2004) menjelaskan kesetiaan pada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme yang terpenting. Unsur ini perlu ditanam di kalangan generasi muda khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Nilai-nilai patriotisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu dipertingkatkan bagi membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab pada bangsa dan negara.

Hantar utusan ke Inderapura,
Duduk di geladak berangan-angan;
Songket warisan seni negara,
Dilupa tidak dipinggir jangan. (550)

Pak tani menuai jagung,
Tanam kapuk di tanah belakang;
Songket seni warisan agung,
Hujan tak lapuk, panas tak lekang. (552)

Songket, warisan tradisional yang adalah khazanah negara yang menggambarkan keagungan tamadun bangsa. Warisan seni halus ini turut disentuh dalam pantun Pak Nazel iaitu pantun yang ke-550 dan 552: 79. Pantun ke-550 memperkatakan tentang 'Songket warisan seni negara, dilupa tidak dipinggir jangan' memberi gambaran agar generasi kini perlu menghargai dan rasa bangga akan kebijaksanaan nenek moyang kita dahulu dalam menciptanya. Penghargaan dan rasa bangga diri inilah sebenarnya rasa patriotik. Walaupun zaman berubah, penggunaan dan pemakaian songket harus diusahakan dalam pelbagai majlis rasmi dan majlis perkahwinan. Songket pakaian raja-raja menurut Norwani Mohd. Nawawi (2002) sekiranya diperluaskan penggunaannya seperti penerapan pada bahagian-bahagian tertentu pakaian moden seperti jaket yang dipakai pramugara atau artis pastinya hasil produk-produk baru berkaitan songket akan muncul. Keadaan ini akan dapat menjana pendapatan untuk rakyat dan negara. Dalam rangkap pantun ke-552 'Songket seni warisan agung, hujan tak lapuk, panas tak lekang' memberi konotasi bahawa songket terus kekal sepanjang zaman. Pak Nazel tidak lupa mengingatkan generasi remaja supaya menghargai songket warisan negara dalam pantunnya.

Tanam lengkuas jarang-jarang,
Batang kelisa tidak berduri;
Sudah puas di negeri orang,
Pulang ke desa merehat diri. (572)

Patriotik seorang individu itu kadang-kala terserlah apabila lama berada di perantauan. Rasa rindu akan kampung halaman, ayah-ibu, saudaramara dan sahabat-handai meruntun jiwa untuk segera pulang. Dalam pantun yang ke-572: 82 yang menjelaskan maksud 'Sudah puas di negeri orang, pulang ke desa merehat diri' menunjukkan tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain. Semangat patriotik yang ada dalam diri akan menggamit kepulangannya ke kampung halaman walaupun indah sekali tempat lawati itu. Pak Nazel memberi ingatan kepada golongan remaja yang melanjutkan pelajaran keluar negara umpamanya balik ke tanah air apabila tamat belajar untuk berbakti kepada nusa dan bangsa.

Durian Belanda tak berpangsa,
Bijinya jarang hitam berbintik;
Cinta pada agama dan bangsa,
Jangan dikurang barang sedetik. (912)

Berhuma-huma kacang kelisa,
Mandi di sumur sambil berlahan;
Sayang agama, bangsa dan bahasa,
Hidup makmur diberkati Tuhan. (942)

Hidup berlandaskan agama dituntut dalam kehidupan. Pantun Pak Nazel membicarakan tentang agama iaitu pantun ke-912: 131 dan pantun ke-942: 135. Maksud pantun ke-912 iaitu 'Cinta pada agama dan bangsa, jangan dikurang barang sedetik' memperlihatkan nilai patriotik yang tertanam dalam diri sayangkan bangsa seiring sayangkan agama. Kedua-dua elemen ini bergerak bersama supaya tidak berlaku keciciran dalam kehidupan yang memerlukan agama, bangsa dan negara. Bagi pantun ke-942 iaitu 'Sayang agama, bangsa dan bahasa, hidup makmur diberkati Tuhan'. Gabungan agama, bangsa dan bahasa menunjukkan tiada garis pemisah untuk membentuk keberkatan dalam hidup. Ketiga-tiga elemen itu bergerak seiring untuk memantapkan jati diri dan semangat patriotik supaya terus subur dalam jiwa. Jiwa remaja perlu diisi dengan patriotik agar tahu asal-usul dan sayangkan negara tempat bernaung.

KEBEBASAN

Berada dalam negara demokrasi memberi hak kepada seluruh rakyat untuk bebas bersuara memberi pendapat dan menyatakan pendirian selagi tidak melanggar undang-undang negara. Kebebasan ini menjadi kayu ukur sama ada negara mempraktikkan demokrasi subur atau sebaliknya. Namun perbezaan

akan jelas kelihatan apabila interpretasi dilakukan mengikut kaca mata budaya dan agama sesebuah masyarakat umpama 'lain padang, lain belalang'. Abd Rahim Abd Rashid (2004) menjelaskan negara yang mengamalkan dasar demokrasi memberi ruang yang lebih luas, terbuka dan liberal kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam kegiatan dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan perubahan. Demokrasi merupakan nilai hidup yang amat penting bagi mencetuskan perubahan dan kemajuan. Perubahan yang lebih dinamik boleh berlaku dalam sesebuah negara kerana wujudnya sistem politik yang berkesan dan demokratik dalam menangani pelbagai masalah dan tuntutan perubahan.

Rakyat Melaka bawa senjata,
Biar maut menunggu di ambang;
Hidup jika tiada sengketa,
Seperti laut tiada gelombang. (392)

Kebebasan diterjemahkan dalam pantun Pak Nazel yang ke-392: 57 iaitu 'Hidup jika tiada sengketa, seperti laut tiada gelombang' membawa maksud dalam kehidupan mesti ada perselisihan faham sama ada dalam keluarga, masyarakat dan dunia politik. Perkara ini semua adalah asam garam kehidupan. Kebebasan untuk bersuara dan mencari penyelesaian akan menimbulkan konflik-konflik dalaman menyebabkan bermacam muka dan bertikam lidah. Oleh itu, titik penentuan untuk mencari jalan bagi menyelesaikan sesuatu masalah perlu dilakukan secara rundingan yang menguntungkan semua pihak. Gelodak jiwa remaja yang tidak sabar perlulah diisi dengan penerangan yang bertepatan dengan kehendak remaja. Kebebasan bukanlah tiket untuk melakukan sesuatu perkara sewenang-wenangnya. Perlu ada batasan dan garis panduan supaya diri terarah kepada kebaikan semata-mata.

Ayah tahan taut,
Tak banyak ikannya;
Setenang-tenang laut,
Ada juga riaknya. (1094)

'Setenang-tenang laut, ada juga riaknya' dalam rangkap pantun ke-1094: 157 ini Pak Nazel mengingatkan bahawa dalam keadaan kehidupan negara yang harmoni dengan mengamalkan sistem demokrasi berpelembagaan serta kebebasan dalam bersuara tetapi sensitiviti kaum perlu dipelihara bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku sehingga menjejaskan perpaduan. Malaysia yang merupakan negara berbilang bangsa seharusnya

mengawal hak kebebasan bersuara agar tidak disalah guna untuk kepentingan diri sendiri sehingga mengganggu dan menggugat ketenteraman awam.

Zam-ketizam,
Dedaru, pokok sena;
Hidup ada azam,
Baru ada makna. (1101)

Kebebasan yang melingkungi diri akan menerbitkan azam untuk bergerak maju ke hadapan. Pantun ke-1101: 158 yang memberi makna 'Hidup ada azam, baru ada makna' membuka peluang kepada seluruh rakyat Malaysia yang bebas untuk berazam bagi memberi makna dalam hidup masing-masing untuk berjaya. Kebebasan ini di kecapi kerana negara yang aman dan tenteram ini memberi ruang kepada sesiapa sahaja untuk meneroka cabang-cabang kerjaya yang terbentang luas dari segenap sudut dan bidang bagi memberi makna dalam kehidupan individu yang terbabit terutama remaja yang ingin meneroka sesuatu yang baru dalam kehidupan. Pak Nazel secara tidak langsung mendidik golongan remaja ini berada dalam kotak kehidupan yang betul berlandaskan norma-norma hidup yang baik.

KEBERANIAN

Keberanian merupakan sikap seseorang yang sanggup menghadapi cabaran tanpa ada rasa takut dan gentar. Keberanian yang ada dalam diri adalah kerana kebenaran walaupun dihimpit perasaan takut dan dalam keadaan bahaya. Keberanian yang ada ketika menghadapi sesuatu itu adalah berlandaskan akal yang sihat bukan bertindak mengikut perasaan. Keberanian serta keyakinan adalah perlu bagi seseorang dalam menghadapi cabaran tersebut. Keberanian bolehlah dikelaskan dalam keadaan berani tidak membuta tuli, berani kerana benar, mempertahankan hak, mempertahankan idea, mempertahankan bangsa dan negara serta bertanggungjawab dalam sesuatu perkara yang berlaku. Pak Nazel tidak lupa menetapkan nilai keberanian dalam pantun-pantun ciptaan beliau supaya remaja yang terkenal dengan sifat berani dan mahu mencuba sesuatu yang baru mempamerkan sikap berani itu di tempat yang sebenarnya. Abd Rahim Abd Rashid (2004) mengupas konsep jihad berjuang untuk membaiki diri dan mengatasi pelbagai bentuk ancaman yang menyekat sesuatu bangsa daripada mencapai perubahan dan kemajuan. Konsep jihad menuntut

umat Islam membina kekuatan diri dan berjuang untuk mendapat kerediaan Allah SWT. Setiap umat Islam perlu menguatkan semangat jati diri, berani, mempunyai keazaman yang kuat, kesedaran yang tinggi, mempunyai dorongan dan keupayaan untuk merubah keadaan, mempunyai ilmu pengetahuan yang baik dan sentiasa menghidupkan semangat juang bagi mempertahankan kepentingan agama, bangsa dan negara.

Kuala Lumpur sewaktu dibuka,
Tanah diterang, sungai dititi;
Baru bertempur dah rasa luka,
Tandanya orang tak cekal hati. (503)

Keberanian untuk menempuh segala cabaran merupakan prinsip hidup yang tekal dan perlu ada dalam diri setiap individu. Dalam pantun ke-503: 72 menerangkan maksud 'Baru bertempur dah rasa luka, tandanya orang tak cekal hati' menunjukkan kelemahan diri dalam perjuangan yang pastinya akan membawa kegagalan. Sesungguhnya, semangat keberanian perlu ada dalam sebarang perjuangan. Kehidupan di dunia umpama berada di medan peperangan buat semua manusia. Kebijaksanaan mengatur strategi akan dapat menjamin kemenangan dalam perjuangan.

Haruan tasik, telur belangkas,
Gu dengan ulam raja;
Hendak merisik risiklah lekas,
Kalau berangan melepas saja. (18)

Keberanian juga perlu ada dalam diri jika inginkan sesuatu umpamanya Sang Teruna mahukan Si Dara. Dalam pantun ke-18: 3 iaitu 'Hendak merisik risiklah lekas, kalau berangan melepas sahaja' menggambarkan keberanian untuk masuk merisik perlu ada supaya anak dara tidak terlepas ke tangan orang akibat lambat masuk merisik. Situasi ini dapat dilihat naluri remaja yang berada di alam percintaan. Pak Nazel tidak lupa menggarap situasi tema ini dalam pantun ciptaan beliau untuk mendidik khalayak remaja tentang keadaan sebenar dalam kehidupan. Persediaan daripada segi mental dan fizikal perlu ada untuk ke tahap yang seterusnya iaitu berkahwin. Perkahwinan memerlukan komitmen yang tinggi dan mesti berani menempuh kehidupan berdua dengan tenang dan sabar.

Pagi-pagi mencari lembu,
Di bendang padi, di batas maman;
Amalan perigi mencari timba,
Sudah menjadi ikutan zaman. (78)

Tuntutan hidup dan zaman berubah menyebabkan wanita telah bangkit bersaing seiringan dengan kaum Adam dalam pelbagai bidang kerjaya. Pantun ke-78: 12 memperlihatkan kaum Hawa sudah berani bersuara dalam penentuan jodoh. Pantun ke-78 iaitu 'Amalan perigi mencari timba, sudah menjadi ikutan zaman' telah membuka laluan kepada kaum Hawa untuk menentukan pilihan jodoh masing-masing dalam alam perkahwinan termasuk menerima calon suami yang rendah daripada segi status dan kedudukan. Sebenarnya naluri berkeluarga ada pada setiap wanita. Melihat pada fenomena ini, ada yang sanggup berkahwin dengan lelaki yang tidak ada kedudukan kerana tuntutan zaman pada masa kini. Situasi ini diketengahkan oleh Pak Nazel kepada golongan sasaran remaja kerana keadaan duduk perkara ini akan dilalui oleh para remaja apabila dewasa nanti.

Rasa lelah lepas melompat,
Terkapai-kapai tak tentu hala;
Hendak mengalah biar bertempat,
Jangan sampai dipijak kepala. (133)

Anak petani bermain lanar,
Lepas beria pergi menjala;
Orang berani kerana benar,
Tidak dia mendapat cela. (274)

Pantun ke-133: 20 yang bermaksud 'Hendak mengalah biar bertempat, jangan sampai dipijak kepala' menunjukkan sikap berani perlu ada. Perumpamaan ada menyebut, berani kerana benar. Sikap tolak ansur perlu ada dalam kehidupan tetapi perlu diingat tidak boleh berlembut untuk mengelakkan individu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan atas sikap toleransi yang ada dalam diri. Pantun ke-274:40 merujuk kepada maksud berani kerana benar iaitu 'Orang berani kerana benar, tidak dia mendapat cela'. Keberanian yang ada dalam diri memberi impak dan personaliti seseorang itu di mata masyarakat dipandang tinggi. Keberanian yang ditunjukkan pada perkara yang betul tidak akan menimbulkan sesuatu yang rumit kepada diri individu tersebut. Pak Nazel terus mengingatkan khalayak remaja terutama dalam pantunnya supaya berani menghadapi kebenaran. Jangan ada perasaan takut jika tidak melakukan kesalahan.

Rakyat berperang membawa meriam,
Buat tindakan menyusur alur;
Segarang-garang induk ayam,
Lepunya takkan memecah telur. (324)

Keberanian yang bertempat amat perlu dalam kehidupan. keberanian yang membuta tuli akan mengundang masalah, kadang-kadang akan membawa kepada kemudaratan pada diri. Dalam pantun yang ke-324: 47 menerangkan maksud 'Segarang-garang induk ayam, lepurnya takkan memecah telur'. Maksud yang mendalam ingin digambarkan oleh pengarang, ibu ayam yang sedang mengeram telurnya, bersifat sangat garang tetapi jika berada dalam sarang dan diganggu eraman telur itu, pergerakan ibu ayam tidak akan memecahkan telur dalam sarang. Dalam kehidupan, keberanian yang ditunjukkan oleh individu kena pada tempatnya dan tidak akan menimbulkan masalah kepada pihak lain yang tidak terlibat dalam masalah tersebut.

Bawa bekal pergi berakit,
Sepanjang malam terus berjaga;
Pancing sejengkal umpannya sikit,
Lautan dalam jangan diduga. (617)

Duduk mendekut di dalam kabut,
Terasa lemah hendak bersantai;
Kalau takut ombak dan ribut,
Jangan berumah ditepi pantai. (618)

Keberanian menempuh gelombang kehidupan perlu ada. Analogi ini diterjemahkan dalam pantun Pak Nazel yang ke-617: 89 dan 618: 89. Pantun yang ke-617 mengujarkan maksud 'Pancing sejengkal umpannya sikit, lautan dalam jangan diduga'. Keberanian memancing di laut dalam menunjukkan keyakinan diri yang tebal untuk menghadapi segala yang mendatang umpamanya ombak, ribut dan taufan. Begitu juga dalam kehidupan yang tidak pernah lari daripada masalah membelenggu diri. Keberanian untuk menghadapi segala masalah merupakan asam garam dalam kehidupan. Pantun yang ke-618 pula merungkai maksud ' Kalau takut ombak dan ribut, jangan berumah di tepi pantai' memberi peringatan bahawa jika tidak berani menghadapi masalah yang akan datang, jangan memulakan masalah tersebut. Takut tidak bertanggung menghadapinya. Selalunya masalah yang membelenggu dalam kehidupan adalah perkahwinan antara dua darjat yang berbeza. Tidak mendapat restu, maka masalah akan terus berlarutan sehingga ke anak cucu. Sebaik-baiknya carilah jodoh yang sekufu yang dituntut dalam Islam.

KEYAKINAN

Kepercayaan kepada diri sendiri menjadi asas yang kukuh untuk berpaksi adanya keyakinan dalam diri.

Keyakinan dalam diri ditunjangi dengan pendirian yang teguh. Yakin dengan setiap dilakukan tanpa ada istilah putus asa akan membuahkan hasil yang dibanggakan. Individu yang mempunyai prinsip hidup tidak akan mengalah dan menghadapi situasi yang mendatang dengan tenang kerana ini merupakan proses laluan hidup yang perlu dihadapi dan ditangani dengan sebaiknya. Proses-proses laluan hidup ini akan menimbulkan kematangan dan membentuk keyakinan dalam diri untuk berdiri teguh tanpa ada rasa goyah. Individu yang mempunyai keyakinan dalam diri akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Pak Nazel mencipta pantun yang mempunyai maksud ada nilai keyakinan supaya jiwa remaja terdidik mempunyai sikap yakin diri dalam melakukan sesuatu perkara. Sifat yakin diri perlu ada dalam diri para remaja kerana perjalanan hidup para remaja masih jauh di hadapan. Di akhir usaha, tawakal kepada Allah disudahkan kerana memohon pertolonganNya. Engku Ahmad Engku Zaki (2006) menjelaskan jika mempunyai reban ayam lalu dikuncikan pintu reban sebaik-baiknya pada waktu malam supaya tidak ditangkap musang pada malam hari termasuk dalam makna tawakal. Sebaliknya jika tidak mengadakan persiapan atau pintu reban yang tidak dikunci sehingga musuh menyerbu masuk atau musang menangkap ayam tidak termasuk dalam makna tawakal kepada Tuhan melainkan lalai atau alpa dalam melaksanakan perintah Tuhan.

Rangkap pantun yang ke-55: 8 memperlihatkan sikap keyakinan dalam diri begitu tinggi. Maksud pantun 'Baru sekali bertentang mata, hati tahu jodoh di situ' memperlihatkan keyakinan diri yang tinggi walaupun baru sekali bertemu, hati telah mengiakan itulah jodoh si teruna. Dalam situasi begini menunjukkan bahawa sikap yakin ini menyenangkan semua pihak merana memudahkan urusan dan tidak melambatkan urusan perkahwinan yang dituntut dalam agama.

Buah juadah kuih lengkong,
Kuih benggang disambar kuar;
Rezeki sudah di dalam kerongkong,
Ditepek belakang terpancut keluar. (138)

Rezeki tidak datang bergolek. Usaha yang kuat dan keyakinan diri yang jitu akan membuahkan hasil. Dalam pantun yang ke-138: 20 mengungkapkan 'Rezeki sudah dalam kerongkong, ditepek belakang terpancut keluar' membawa erti bahawa sesuatu yang di tangan itu menjamin ia menjadi milik kita kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku.

Oleh itu, konsep tawakal perlu ada dalam diri iaitu menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2006) tawakal sepatutnya bertindak sebagai asas landasan yang kukuh sehingga memberikan kesan yang cukup besar lagi mendalam ke dalam jiwa sanubari seseorang Muslim sekali gus menjana kekuatan yang luar biasa baginya untuk mendepani segala kesulitan dan halangan yang merintang sepanjang perjalanannya menuju ke arah keredaan Ilahi. Dalam masa yang sama juga, sekiranya roh tawakal itu bertapak mantap dalam kalbunya, sudah pasti dia akan terpelihara dan terhindar dari terjerumus ke kancah kedurjanaan yang terlarang.

Anak mengkarung merayap-rayap,
Balik ke sarang tertikam duri;
Kuat burung kerananya sayap,
Kuat orang keyakinan diri. (193)

Keyakinan diri yang kuat diterjemahkan lagi oleh Pak Nazel dalam pantun ke-193: 28 iaitu ‘Kuat burung kerana sayapnya, kuat orang keyakinan diri’ memang tepat sekali. Kekuatan pada burung kerana sayapnya, patah sayap burung tidak mampu terbang. Bagi manusia pula kerana ada keyakinan diri yang kuat, manusia akan bangkit walaupun ditimpa musibah yang tidak bertanggung oleh manusia. Peristiwa yang melihat keyakinan yang kuat ada dalam diri individu adalah peristiwa tsunami melanda Aceh. Rakyatnya bangkit walaupun negerinya hancur. Semuanya bersebab kerana percaya kepada Qada dan Qadar daripada Allah.

Berpekin-pekin padi segemal,
Dibubuh baja diracun benah;
Perlu yakin bila beramal,
Barulah kerja jadi sempurna. (208)

Yakin pada diri terus diterjemahkan oleh Pak Nazel dalam pantun yang ke-208: 30 iaitu ‘Perlu yakin bila beramal, barulah kerja jadi sempurna’ membawa maksud yakin pada diri sendiri amat perlu kerana pekerjaan yang dibuat akan sempurna dan kemas. Keyakinan yang tinggi ada dalam diri memberi impak kepada orang sekeliling untuk mempercayai hasil kerja yang dilakukan.

MENGHARGAI

Anugerah dan penghargaan diberikan untuk mengenang jasa dan pengorbanan yang dilakukan. Penghargaan yang diterima akan diingat dan dikenang sampai bila-bila. Menghargai sesuatu akan memupuk ke dalam jiwa sifat mengenang budi. Jiwa

juga akan terdidik menghargai jasa dan sumbangan dan akan cuba memberi bantuan sedaya mungkin kepada yang memerlukan. Nilai menghargai ini akan membentuk jiwa manusia mempunyai hati tulus ikhlas. Amalan kebaikan yang dilakukan ini akan membentuk diri menjadi insan yang positif dan melahirkan manusia yang berketerampilan baik di mata masyarakat. Pak Nazel menampilkan pantun-pantun beliau yang mempunyai nilai menghargai bagi mendidik remaja supaya menghargai segala milik mereka.

Kait pinang pilih-pilihan,
Jangan dikait pinang muda;
Kalau terkenang nasibku tuan,
Tuliskan bait untuk kakanda. (29)

Padi diirik di laman rata,
Hari cuti berjalan ke Mulu;
Senyum melirik lembutnya mata,
Sejuknya hati teringat selalu. (48)

Ikan belaga di dalam kolam,
Jala ditebar belaga terganggu;
Rasa lega hati di dalam,
Mendapat khabar dinda menunggu. (53)

Tiga rangkap pantun tersebut iaitu pantun ke-29: 5; ke-48: 7 dan ke-53: 8 membariskan maksud menghargai kekasih dalam hubungan percintaan. Perkara ini dapat dilihat dalam pantun yang ke-29 ‘Kalau terkenang nasibku tuan, tulis bait untuk kakanda’ menunjukkan jika merindu tulislah surat. Dalam dunia percintaan menghargai antara satu sama lain sememangnya lumrah dalam percintaan untuk menyambung kasih sayang antara satu sama lain. Pantun ke-48 pula menjuraikan maksud ‘Senyum melirik lembutnya mata, sejuknya hati teringat selalu’ menunjukkan alam percintaan, senyuman juga menjadi satu agenda besar untuk dihargai. Melihat pada senyuman sahaja dapat menenangkan jiwa Si Jejaka. Dalam rangkap pantun yang ke-53 membawa maksud ‘Rasa lega hati di dalam, mendengar khabar dinda menunggu’ memberi gambaran bahawa ketenangan dalam hidup dapat dirasai apabila Sang Kekasih masih kekal seia menunggunya. Penantian itu memperlihatkan Si Dara masih menghargai kebaikan kekasihnya. Oleh itu, individu tersebut sanggup menghadapi semua cabaran.

Duduk memintal tali di bangsan,
Nakhoda Arab meminta serbat;
Tidur sebantalan makan sepinggan,
Tandanya akrab dua sahabat. (279)

Persahabatan yang erat antara dua orang sahabat diungkap oleh Pak Nazel dalam pantun yang ke-279: 40 iaitu ‘Tidur sebantal, makan sepinggan, tandanya akrab dua sahabat’ menunjukkan menghargai sahabat kerana sanggup menghadapi susah dan senang bersama. Jika tiada nilai menghargai, tidak akan ada perkongsian makanan dan bantal dalam kamus kehidupan.

Pohon eru di Pantai Cenang,
Hulu Melaka banyak cerita;
Jasa guru patut dikenang,
Tiada mereka siapalah kita. (449)

Peranan guru umpama lilin membakar diri menerangi orang lain diungkapkan dalam pantun yang ke-449: 65 iaitu ‘Jasa guru patut dikenang, tiada mereka siapalah kita’ memberi makna yang cukup mendalam kerana jasa guru perlu dihargai kerana mereka mengajar mengenal huruf dan mengira nombor.

Pembuat tabuh orangnya mahir,
Kalau berkasar dia tersinggung;
Jangan di’uh’ ibu melahir,
Dosanya besar tidak bertanggung. (626)

Kasih ibu membawa ke syurga merupakan bait indah untuk dihayati. Dalam pantun yang ke-626: 90 menjelaskan maksud ‘Jangan di’uh’ ibu melahir, dosanya besar tidak bertanggung’ iaitu setiap anak di dunia ini tidak boleh membantah cakap Si Ibu kerana dosanya amat besar untuk ditanggung Si Anak. Diri Si Ibu perlulah dihargai untuk mendapat keredaan dunia dan akhirat.

Naik kuda bersuka ria,
Terpijak ketitir di tengah jalan;
Masa yang ada jangan disia,
Kelak kkuatir jadi sesalan. (790)

Masa itu emas. Dalam rangkap pantun yang ke-790: 113 menunjukkan maksud ‘Masa yang ada jangan disia, kelak kkuatir jadi sesalan’ mengungkap masa yang ada perlu diguna sebaik mungkin untuk memberi manfaat pada diri untuk kehidupan dunia dan akhirat. Masa tidak pernah menunggu sesiapa sebaliknya manusia yang hidup di dunia ini perlu mengejar masa.

Bercakap dengan angsa,
Memang kerja lucu;
Jaga warisan bangsa,
Untuk anak cucu. (1065)

‘Jaga warisan bangsa, untuk anak cucu’ dalam rangkap pantun yang ke-1065: 153 diberi peringatan oleh Pak Nazel dalam pantunnya untuk menghargai apa yang ada pada masa ini untuk generasi yang akan datang. Perkara yang jelas warisan yang perlu dijaga adalah nikmat kemerdekaan yang diperjuangkan oleh generasi terdahulu untuk generasi kini dan akan datang.

KERJASAMA

Hidup tolong menolong dan bekerjasama merupakan salah satu nilai yang dipegang teguh oleh masyarakat Melayu dari dahulu hingga sekarang. Sikap tolong-menolong bagi mereka dapat meringankan beban dalam melakukan sesuatu pekerjaan diibaratkan sebagai ‘yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing’. Kebiasaannya amalan tolong-menolong dan bekerjasama dapat dilihat di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan desa, namun tidak bererti masyarakat kota tidak mengamalkan konsep tersebut dalam kehidupan mereka, cuma kesibukan mereka sahaja yang menjadi penghalangnya. Abd Rahim Abd Rashid (2001) mengupas tentang nilai kerjasama boleh memberi kekuatan kepada pembinaan bangsa Malaysia. Semangat kerjasama dalam semua bidang perlu dipertingkatkan bagi mengatasi dan menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat terutama dalam usaha Malaysia boleh ditangani bersama sekiranya wujud kerjasama yang baik dalam masyarakat. Sikap tolong-menolong dan kerjasama telah menjadi asas kehidupan yang lebih sempurna, hidup sentiasa dilindungi serta segala rintangan akan dapat di atasi. Dari segi pemikiran masyarakat Melayu membayangkan hidup tanpa ikatan perpaduan menjadikan sesuatu masyarakat itu lemah dan mudah dicerobohi daripada segi mental dan fikiran. Pak Nazel mencipta pantun yang menjurus kepada nilai kerjasama untuk mendidik khalayak remaja mempunyai semangat kerjasama antara satu sama lain terutama di alam persekolahan.

Bakal isteri bergelang kana,
Diarak ke tandup seberang titi;
Air mencari paras yang sama,
Barulah hidup sefaham seerti. (102)

Pantun yang ke-102: 15 melahirkan semangat kerjasama dalam membentuk kehidupan yang harmoni iaitu ‘Air mencari paras yang sama, barulah hidup sefahaman seerti’ mencari jodoh yang sepadan dan sekufu akan memudahkan perjalanan

kehidupan. Kerjasama dapat dipupuk kerana datang daripada latar belakang kehidupan yang lebih kurang sama memudahkan segala urusan kehidupan dan mudah wujud sikap toleransi antara satu sama lain.

Setelah gagal ke Pulau Sialan,
Nakhoda beralih ke Malabari;
Usah ditinggal rakan dan taulan,
Kita tak boleh hidup sendiri. (301)

Hidup bermuafakat yang membawa berkat diterjemahkan dalam pantun yang ke-301: 44 iaitu 'Usah ditinggal rakan dan taulan, kita tak boleh hidup sendiri' menggambarkan susah-senang perlulah bersama kerana dalam menempuh kehidupan bukanlah dilalui seorang diri tetapi memerlukan orang lain untuk bersama-sama menempuh segala cabaran dan dugaan yang mendatang.

KESIMPULAN

Pantun Pak Nazel amat bersesuaian dijadikan bahan bacaan tambahan dalam memberikan pendedahan terhadap nilai murni bagi kanak-kanak termasuk dalam memperkenalkan nilai patriotisme. Melalui 1229 rangkap pantun yang terdapat di dalamnya, karya ini mempunyai cukup bahan bagi dihayati kanak-kanak dalam memahami nilai-nilai murni dengan mendidik khalayak pembaca terutama kalangan remaja dalam aspek nilai kehidupan supaya mempunyai jati diri dan warganegara yang bertanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara dengan mempunyai nilai patriotik yang utuh dalam diri. Didikan secara tidak langsung ini menggunakan pantun sebagai medium pengantara memberikan satu peluang suntikan secara halus menyampaikan hasrat Pak Nazel mengetengahkan nilai-nilai murni dalam pantun. Bahasa yang disampaikan amat sesuai dan bicara nurani dalam maksud-maksud pantun ciptaan Pak Nazel sampai kepada khalayak pembaca. Sesungguhnya, genre puisi tradisional ini telah memberi ruang dalam dunia pendidikan dalam penerapan nilai-nilai murni sesuai dengan perubahan masa dan tuntutan zaman.

Mempertahankan negara daripada ancaman musuh dan ancaman luar merupakan satu tanggungjawab rakyat sesebuah negara. Kesetiaan kepada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme yang amat penting. Sememangnya Pak Nazel seorang pengarang yang begitu tebal dengan semangat cinta akan

negara. Bagi Pak Nazel elemen cinta akan negara seperti semangat patriotik, keberanian, kerjasama dan keyakinan perlu disemai dan ditanam dalam kalangan rakyat, lebih-lebih lagi dalam kalangan generasi muda yang hidup dalam masyarakat berbilang kaum seperti negara kita Malaysia.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Rahim Abd Rashid. 2004. *Patriotisme Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2009. *Patriotisme Kemandirian Kita*. Kuala Lumpur: Institut Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad.
- Berelson, B. 1952. *Content Analysis in Communication Research*. New York: New York Hafner Press.
- Braginsky, V. I. 1998. *Yang Indah Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu dalam Abad 7-19*. Jakarta: INIS.
- Daillie, Francois- Rene. 1987. *Alam Pantun Melayu, Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2006. *Membina Peribadi Muslim: Muhasabah Diri ke Arah Kehidupan yang Diredhai*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Harun Mat Piah. 2003. *Sastera rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: satu perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hayati binti Osman. 2001. *Johor dalam pantun Melayu*. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu*. 1989. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ishak Ramly. 2003. *Teknik Mengajar Sastera: Buku Pegangan untuk Guru-Guru Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors.
- Mohd Nasir bin Salleh. 2008. *Kumpulan pantun setia kasih untukmu Malaysia: analisis pengkaedahan Melayu*. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ramli Raman. 1996. *Pantun dalam seni persembahan Melayu*. Dlm. *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat*, disunting oleh Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohd. Taib Osman. 1975. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Thani Ahmad (pnys.). 1990. *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hj. Salleh. 2010. *Prakata Pantun Pak Nazel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazel Hashim Mohamad. 2010. *Pantun Pak Nazel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norwani Mohd. Nawawi. 2002. *Songket Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Raslianaziazie Rasid. 2008. *Motif Seri Rama dalam pantun dan mantera Melayu*. Latihan ilmiah. Jabatan Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rosnah Julis. 1985. Unsur-unsur alam dalam puisi Melayu lama. Latihan ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sahlan Mohd Saman. 2005. *Sejarah kesusasteraan Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selobom a/p Doraisamy. 2001. Kemahiran berfikir dalam pantun-pantun Melayu. Latihan ilmiah. Jabatan Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2002. 'Pantun dua belas rangkap Mah Meri.' *Jurnal Pengajian Melayu* 13: 40-54.
- Wan Hashim Wan Teh. 2005. 'Transformasi budaya, peribadi dan minda Melayu' Dlm. Anwar Ridhwan (pngr.). *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R. J. & Winstedt, R. O. 1957. *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Zainal Abidin Ahmad. 1952. *Ilmu mengarang Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Zainal Abidin Bakar (pnyt.). 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azim Normiza Ahmad
Pensyarah
IPG Kampus Bahasa Melayu
Peti Surat 5002, Jalan Pantai Bar,
59990 Kuala Lumpur,
E-mel: azimnormiza@yahoo.com,

Shaiful Bahri Md. Radzi (PhD)
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: sbmr@ukm.edu.my

Diserahkan: 4 Mac 2020
Diterima: 26 Ogos 2020